

Antara famili dan kekasih

? Sebagai anak lelaki yang bekerja, saya berasa bertanggungjawab untuk membantu ahli keluarga lain. Tambahan pula saya pengganti kepada arwah ayah dan mengambil alih tanggungjawab melindungi keluarga. Saya belum berkahwin tetapi sudah mempunyai teman wanita.

Bagaimanapun, saya berada dalam dilema antara tanggungjawab terhadap keluarga dengan desakan diri untuk berkahwin. Saya khuatir, jika berkahwin saya tidak mampu memberikan bantuan kepada keluarga seperti sekarang kerana tanggungjawab yang baru nanti.

SERBA SALAH, Pahang

! Pertama sekali saya ucapkan jutaan tahniah buat anda atas 'kehebatan' suara hati dan niat ikhlas untuk membantu keluarga. Nyata, nilai positif itu bukan terbentuk begitu saja tetapi dimulai daripada keprihatinan ter-

hadap keluarga menerusi perkongsian nilai kekeluargaan selama ini.

Tahniah juga atas pelaksanaan tanggungjawab selepas kepergian ketua keluarga iaitu ayah tercinta. Manfaatkan peluang dan kesempatan untuk berbakti sebaik mungkin tanpa perlu ada rasa curiga dan waswas.

Seterusnya, berdasarkan kepada perkongsian ini, ada konflik dalaman yang hadir secara tidak langsung antara keluarga dan desakan diri untuk berkahwin.

Dalam aspek ini, perlu saya jelaskan perkahwinan satu impian semua orang dan disyariatkan agama. Kewajipan berkahwin juga wujud bagi yang mampu dan waras.

Justeru, perasaan ingin berkahwin adalah fitrah kejadiannya manusia. Tiada yang tidak baiknya daripada niat ikhlas untuk mendirikan rumah tangga.

Namun, ia menjadi agak tidak 'sedap' didengar

apabila timbul perasaan waswas dan ragu-ragu jika perkahwinan itu menyebabkan halangan untuk berbakti kepada keluarga.

Oleh itu, saya perincikan satu persatu kekeliruan yang wujud bagi memberikan satu penjelasan telus kepada anda.

Mungkin juga perasaan itu timbul akibat perasaan khuatir tidak dapat membantu keluarga seperti kebiasaan. Namun, yakin setiap yang baik itu akan membuahkan hal baik juga. Justeru, yakin kepada Allah akan nikmat usia serta rezeki yang meluas.

Andai kekhuatiran wujud disebabkan tanggungjawab yang bertambah selepas perkahwinan, sebaiknya perancangan kewangan keluarga adalah perkara utama yang perlu diuruskan supaya lancar dan tidak membebankan. Perancangan kewangan perlu diselaraskan mengikut jumlah pendapa-

tan, liabiliti serta tanggungan kos lain supaya aliran wang keluar dan masuk itu terpelihara.

Niat yang baik dengan tulus ikhlas akan dipermudahkan lebih-lebih lagi jika diniatkan untuk membantu keluarga yang kini sudah hilang tempat bergantung.

Sememangnya anda tulang belakang dalam keluarga. Cukup sekadar membantu menampung keluarga dalam hal wajib. Meskipun tidak mampu memewahkan, cukup sekadar keperluan asas dibantu.

Keduanya, perancangan dan keseimbangan tanggungjawab dan emosi. Luahan kasih sayang dan tanggungjawab itu boleh dibahagikan secara bijak dan teratur. Tidak semestinya perkahwinan itu menjadi halangan untuk berkasih sayang dan memainkan peranan masing-masing.

Sebaliknya, menerusi perkahwinan nilai kasih sa-

yang sejagat makin berkembang dan meluas. Pertambahan ahli keluarga mampu mewujudkan suasana lebih harmoni dan selesa. Paling utama kesediaan untuk berkongsi kasih dan sayang.

Ketiganya, jika terniat untuk mendirikan rumah tangga, rancanglah sebaiknya. Kelebihan perancangan untuk berkahwin ialah untuk memastikan jiwa anda benar-benar bersedia untuk memikul tanggungjawab selepas berkahwin.

Pastikan juga yang 'dikejar dapat, yang dikendong tidak bercirikan'. Saya cukup yakin dan optimis, ahli keluarga lain akan turut gembira dengan perancangan anda.

Keempat, selain kesediaan dari segi emosi, anda juga perlu bersedia dengan kemahiran asas dalam keibubapaan. Kemahiran ini amat penting bagi menjamin kebahagiaan hidup selepas berkahwin. Ia memerlukan kematangan fikiran dan tindakan rasional.

Anda perlu bersedia dengan segala ujian dan cabaran. Namun, usah difikirkan

kepada hal sukar, sebaiknya alihkan fikiran kepada kehidupan lebih terancang dan terurus.

Sebagai abang bertanggungjawab, anda juga bakal menjadi suami dan bakal bapa yang sempurna. Oleh itu, keyakinan terhadap kemampuan diri adalah kunci kejayaan dalam memainkan peranan pelbagai.

Keluarga atau isteri bukan bebanan jika anda bijak menguruskan hal wajib. Ia akan menjadi masalah andai tidak bijak mengaturnya urusan kehidupan.

Tawakal dan doa kepada Allah supaya diperterguhkan iman di dada dalam menjalankan tanggungjawab kerana-Nya. Lakukan setiap sesuatu itu kerana Allah dan semestinya kehidupan akan lebih berkat dan aman.

Berikan ruang dan waktu kepada diri anda untuk membuat keputusan dengan sebaik-baiknya. Mohon bantuan setulusnya daripada Yang Maha Esa. Semoga dipermudahkan segala urusan.